

'Saya tidak berniat persendakan wakil UMNO'

UM 17 MAR 2001

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 16 Mac — Setiausaha Agung Pas Nasharudin Md Isa mengakui mendedahkan kepada khalayak mengenai pertemuan tertutup pertama Jawatankuasa Teknikal UMNO Pas yang dikatakan memperbodoh bodohkan wakil UMNO kononnya jahil tentang agama pada ceramah di Yan Kedah 9 Mac lalu

Malah Nasharudin menyifatkan pendedahannya itu sebagai wajar dan tidak ada salahnya meskipun banyak pihak menganggap perbuatan itu sebagai mengaibkan serta tidak kena dengan imej Pas sebagai parti Islam

Memang benar apa yang disiarkan dalam kolom Pen dapat ruangan *Rencana Utusan* keluaran 13 Mac lalu mengenai semua isi ucapan saya di Padang Lumat Yan

Saya hanya mencertakan apa yang sebenarnya berlaku mengikut kronologi Pendedahan itu semata mata memenuhi hasrat rakyat yang mahu tahu apa sebenarnya terjadi dalam pertemuan tertutup itu katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi di sini hari ini

Beliau mengulas pendapat seorang pembaca Nayan Jusoh dari Guar Chempedak Kedah mengenai ketidakjujuran Pas dalam merealisasikan pertemuan dengan UMNO dalam kolom Pendapat ruangan *Rencana Utusan* yang disiarkan pada 13 Mac lalu

Nayan dalam pendapatnya antara lain mendakwa Nasharudin sebagai berkata pada pertemuan jawatankuasa teknikal pertama 9 Februari lalu ketika masuk waktu sembahyang zuhur beliau cepat cepat mengambil tempat imam kerana tidak mahu diimamkan oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Datuk Dusuki Ahmad yang mewakili UMNO

Wakil Pas juga dikatakan tidak memberi peluang kepada wakil UMNO untuk bersuara sehingga Setiausaha Agung UMNO Tan Khalil Yaakob dan ahli jawatankuasa teknikal UMNO yang lain keliru

Wakil Pas kemudiannya telah pergi ke warung dan ketawa apabila berbincang bagaimana Khalil hendak bertemu Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan memberitahu Pas tidak akan hadir mesyuarat itu

Pada pertemuan jawatankuasa teknikal kedua dalam ucapannya Nasharudin dikatakan menuduh Dusuki tidak tahu membaca doa apabila hanya meminta hadirin membaca al Fatihah selepas wakil Pas meminta beliau (Dusuki) membacakan doa

Nasharudin memberitahu Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menelefonnya dan memberi tahniah dengan galakan supaya tibas UMNO lagi

Nayan dalam kesimpulannya mendakwa Pas menyamakan UMNO sebagai Firaun dan bukan se Islam mereka

Dalam pada itu Nasharudin menegaskan beliau tidak berniat sama sekali untuk mempersendakan Khalil dan rakan rakan nya ketika mendedahkan perkara itu kepada khalayak

Terpulanglah kepada rakyat untuk menilai sama ada perkara itu sebagai satu persendaan atau sebaliknya katanya

Beliau juga menafikan bahawa perbuatan yang dilakukan dalam mesyuarat jawatankuasa teknikal bertujuan menggagalkan pertemuan dengan UMNO